

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JULAI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Semakan gaji inisiatif selesaikan struktur ekonomi

Semakan gaji inisiatif selesaikan struktur ekonomi

ALOR SETAR – Langkah kerajaan untuk menyemak semula gaji penjawat awam seperti diumumkan Perdana Menteri kelmarin, selain penekanan terhadap sistem gaji progresif merupakan salah satu inisiatif bagi menyelesaikan masalah struktur ekonomi negara.

Menyatakan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, perkara berkaitan gaji merupakan antara isu ekonomi yang perlu diselesaikan selain hutang ditanggung kerajaan memandangkan gaji diterima rakyat selama ini dilihat tidak padan dengan kenaikan harga barang.

Justeru katanya, kerajaan perlu campur tangan terutama dalam perkara berkaitan dasar bagi membantu rakyat untuk berdepan dengan kos sara hidup.

"Ini bukan satu pilihan kerana jika gaji tidak naik secara berkala bagi sentiasa menangani kenaikan harga barang, masalah sedia ada tidak akan selesai sampai bila-bila walaupun usaha untuk menangani isu harga barang serta inflasi terus-terusan dibuat seperti sekarang ini."

"Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan saya berbincang mengenai isu ini, kami sedar bahawa semua orang akan ada kekangan sama ada di pihak kerajaan mahupun swasta dengan majikan termasuk media mungkin akan kata kita tak ada duit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar sempena Program Jelajah Madani di Dewan Undangan Negeri (DUN) Suka Menanti di sini, semalam.

Kata beliau, tadbir ekonomi bukan sekadar membawa pelaburan berjumlah bilion



RAFIZI

atau trilion ke dalam negara tetapi turut melibatkan soal pendapatan rakyat.

"Kita bantu miskin tegar dahulu kemudian apabila sudah sedikit selesai, kita wujudkan peluang pekerjaan untuk orang mulukan perniagaan dan kini ditumpukan pula soal gaji yang semuanya melibatkan pendapatan rakyat," ujarnya.

Perdana Menteri kelmarin memaklumkan, skim gaji penjawat awam akan disemak semula selepas mengambil kira tiada sebarang kenaikan diberikan untuk satu tempoh lama.

Kali terakhir gaji penjawat awam yang dianggarkan seramai 1.6 juta orang dinilai pada 2013 iaitu 10 tahun lalu dengan perkara tersebut sudah pun dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali serta Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Dr. Zulkapli Mohamed untuk mewujudkan pasukan meneliti perkara itu.